

TINJAUAN KE ATAS TANGGAPAN PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN  
MEKANIKAL TERHADAP KES MENIRU DI DALAM PEPERIKSAAN DI KOLEJ  
UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN.

AKLIMIMA BINTI AWANG  
ANIS SHABIRAH BINTI MD. ISA  
SITI FARIZAH BINTI ABU BAKAR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Pendidikan (Teknikal).

Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

MAC, 2001



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Untuk keluarga tersayang,

Terima kasih di atas sokongan moral dan  
Pengorbanan yang tiada sempadannya.....

- Aklimima, Anis & Farizah -



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Penyelidik ingin memanjatkan kesyukuran kepada Ilahi kerana dengan berkat dan limpah kurniaNya dapat menyempurnakan tesis bagi memenuhi keperluan syarat penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal) dengan jayanya.

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis, PM Dr. Zulkifli Bin Mohamed atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan tesis ini di mana telah memberikan panduan dan pengalaman berguna untuk menghasilkan tesis yang berkualiti dan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu.

Kerjasama daripada pihak Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di KUiTTHO amatlah dihargai.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek penyelidikan ini.

## ABSTRAK

Meniru adalah fenomena biasa di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Ia merupakan sebahagian daripada masalah disiplin dan gejala sosial yang sukar dibendung sungguhpun pelbagai usaha dan peraturan dikenakan. Isu ini berlaku secara senyap ibarat “Api di dalam sekam”. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat sama ada perbuatan meniru oleh pelajar ini adalah disebabkan ciri-ciri pelajar, ciri-ciri pengajaran pensyarah dan ciri-ciri pelaksanaan silabus itu sendiri. Malahan penyelidik ingin mengetahui faktor-faktor utama yang mendorong kegiatan peniruan dilakukan. Seramai 249 orang pelajar tahun 1, tahun 2 dan tahun 3 dari jurusan Diploma Kejuruteraan Mekanikal terpilih sebagai responden untuk mendapatkan pandangan mereka berhubung dengan kes meniru di KUiTTHO. Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik ialah borang soal selidik. Hasil daripada kajian yang dijalankan, penyelidik dapat membuat perbandingan di antara ketiga-tiga sub dimensi yang diutarakan dalam kajian. Bagi tujuan penganalisan data, perisian Microsoft Excel digunakan untuk mendapatkan skor min bagi setiap dimensi untuk melihat perbezaan di antara responden tahun 1, tahun 2 dan tahun 3. Maklum balas yang diterima dari responden didapati bahawa faktor pelajar dan pelaksanaan silabus lebih banyak mempengaruhi pelajar untuk meniru di dalam peperiksaan berbanding dengan faktor pensyarah.

## ABSTRACT

Cheating in the examination hall is one of the common phenomenon among the university students. It is a part of the discipline and social problems which is difficult to control even though initiatives and regulations are set. Researcher would like to focus whether the habit of cheating among students are due to the students characteristics, the lecturers or the implementation of the syllabus itself. Moreover, researchers would like to investigate which are the main factor that contributes to the cheating activities among the students. Therefore a number of 249 of students from year 1, 2 and 3 from the Diploma of Mechanical Engineering are selected as response regarding to the case study. A set of questionnaires are used by reseachers to gain information. Through the results collected a comparison among the sub dimensions which are mentioned in this case study are done. A Microsoft Excel program is used to extract the min score for each dimension in order to analyze the data collected. As a result the main factor which contributes students to cheat are detected which are the characteristic of the students themselves and the implementation of the syllabus.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>DEDIKASI</b>	iv
	<b>PENGHARGAAN</b>	v
	<b>ABSTRAK</b>	vi
	<b>ABSTRACT</b>	vii
	<b>KANDUNGAN</b>	viii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB I</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	4
	1.2 Penyataan Masalah	6
	1.3 Persoalan Kajian	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Kerangka Teori Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Skop Kajian	10

1.8	Takrifan Operasional	10
1.8.1	Ciri-ciri Pelajar	10
1.8.2	Ciri-ciri Pengajaran Pensyarah	11
1.8.3	Ciri-ciri Pelaksanaan Silabus	12

## **BAB II      SOROTAN PENULIS**

2.0	Pengenalan	13
2.1	Latar Belakang Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn	13
2.2	Penyelewengan Akademik	15
2.3	Faktor-Faktor Pelajar	16
2.4	Faktor-Faktor Pensyarah	18
2.5	Faktor-Faktor Silabus dan Pelaksanaan	18
2.6	Hukuman Dan Tindakan Tatatertib	19

## **BAB III      METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	21
3.1	Reka Bentuk Kajian	22
3.2	Populasi Kajian	22
3.3	Sampel Kajian	24
3.4	Instrumen Kajian	29
3.6	Kronologi Kajian	30
3.7	Penganalisan Data	31
3.8	Andaian	31
3.9	Batasan Kajian	32

## **BAB IV ANALISIS DATA**

4.0	Pengenalan	33
4.1	Rekod Pelajar Meniru Di Sepanjang Tahun 1995-2000	33
4.2	Faktor Yang Mendorong Pelajar Meniru	36
4.2.1	Analisis Dimensi Ciri-Ciri Pelajar	36
A.	Analisis Sub Dimensi Pengurusan Masa Pelajar	37
B.	Analisis Sub Dimensi Sikap Pelajar	38
C.	Analisis Sub Dimensi Emosi Pelajar	40
4.2.2	Analisis Dimensi Sikap Pensyarah	42
A.	Analisis Sub Dimensi Pengajaran Pensyarah	43
B.	Analisis Sub Dimensi Pengurusan Masa	45
C.	Analisis Sub Dimensi Sikap Pensyarah	46
4.2.3	Analisis Dimensi Ciri-Ciri Dan Pelaksanaan Silabus	48
A.	Analisis Sub Dimensi Reka Bentuk Modul	49
B.	Analisis Sub Dimensi Pelaksanaan Silabus	50

## **BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	53
5.1	Rumusan	54
5.2	Cadangan	56
5.3	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	59
5.4	Penutup	60



**RUJUKAN**

62

**LAMPIRAN**

Lampiran A-C

65-71



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Senarai pelajar KUiTTHO yang dikenakan tindakan tatatertib (Meniru) bagi tahun 1995-2000.	5
3.1	Jumlah pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal mengikut tahun pengajian	22
3.2	Pecahan bilangan sampel mengikut tahun pengajian	23
3.3	Ciri-ciri yang dimiliki oleh pelajar mengikut pecahan dimensi	26
3.4	Ciri-ciri yang dimiliki oleh pensyarah mengikut pecahan dimensi	27
3.5	Ciri-ciri dan pelaksanaan silabus mengikut pecahan dimensi	28
3.6	Kronologi kajian	30
4.1	Rekod-rekod pelajar meniru di sepanjang tahun 2000	34

4.2	Skor min bagi n=249, sub dimensi ciri-ciri pelajar	36
4.3	Skor min item sub dimensi pengurusan masa pelajar mengikut tahun pengajian (n=249)	37
4.4	Skor min item sub dimensi sikap pelajar mengikut tahun pengajian (n=249)	38
4.5	Skor min item sub dimensi emosi pelajar mengikut tahun pengajian (n=249)	40
4.6	Skor min bagi n=249, sub dimensi ciri-ciri pensyarah	43
4.7	Skor min item sub dimensi pengajaran pensyarah mengikut tahun pengajian (n=249)	43
4.8	Skor min item sub dimensi pengurusan masa pensyarah mengikut tahun pengajian (n=249)	45
4.9	Skor min item sub dimensi sikap pensyarah mengikut tahun pengajian (n=249)	46
4.10	Skor min bagi n=249, sub dimensi ciri-ciri dan pelaksanaan silabus	48
4.11	Skor min item sub dimensi reka bentuk modul mengikut pandangan pelajar (n=249)	49
4.12	Skor min item sub dimensi pelaksanaan silabus mengikut pandangan pelajar (n=249)	51

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Kerja Teori	9
4.1	Skor min bagi sub-sub dimensi ciri-ciri pelajar (n=249)	42
4.2	Skor min bagi sub-sub dimensi ciri-ciri pensyarah	47
4.3	Skor bagi sub-sub dimensi ciri-ciri dan pelaksanaan silabus	52

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Contoh borang soal selidik	65
B	Contoh garis panduan pengawasan peperiksaan	69
C	Contoh sampel kajian oleh Kierjie dan Morgan	71



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.0 Pengenalan

Awal abad ke 21 menyaksikan perkembangan pesat arus pendidikan tinggi di Malaysia. Penubuhan universiti-universiti baru dan kolej-kolej dapat memberikan gambaran bahawa jumlah pelajar cemerlang semakin ramai dan institusi pengajian tinggi yang sedia ada tidak berupaya menampung bilangan pelajar yang layak melanjutkan pelajaran. Senario ini memperlihatkan satu perkembangan positif dengan meningkatnya bilangan pelajar ke universiti setiap tahun. Justeru itu, seiring dengan pencapaian akademik, pembangunan infrastruktur mestilah mencapai standard tertinggi supaya dapat memaksimumkan pencapaian akademik dan pembangunan diri pelajar-pelajar (Abdul Halim, 1991).

Pelajar merupakan sasaran utama pembangunan kurikulum. Matlamat utama pendidikan tinggi adalah untuk melahirkan individu yang boleh berkhidmat kepada

masyarakat dan negara. Oleh itu, kurikulum universiti yang dilaksanakan mestilah dapat membangun dan mencungkil kebolehan pelajar di dalam menganalisa, menyelesaikan masalah, berkomunikasi dan mensintesis (*Study Group on the Conditions of Excellence in American Higher Education, 1984*). Pensyarah sebagai pelaksana kurikulum haruslah memastikan pelajar mendapat input pembelajaran yang paling maksimum dan boleh diaplikasikan dalam situasi seharian atau di alam pekerjaan kelak.

Namun demikian, amat mendukacitakan apabila terjadinya kes-kes pelajar meniru di dalam peperiksaan terutamanya di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi samada di institusi pengajian tinggi awam mahu pun institusi pengajian tinggi swasta. Meniru adalah merupakan satu kesalahan akademik yang serius. Meniru di dalam ujian atau peperiksaan merupakan satu contoh yang disabitkan dengan kesalahan meniru. Selain itu, kesalahan-kesalahan akademik yang lain termasuklah membawa ke dalam dewan peperiksaan sebarang buku teks, buku nota, memorandum atau lain-lain bahan yang bertulis atau mekanikal dan peralatan elektronik yang tidak dibenarkan oleh pengawas peperiksaan.

Di samping itu, tindakan pelajar yang berhubung dengan orang lain atau menyimpan bahan-bahan dengan tujuan untuk meniru di luar dewan peperiksaan tanpa mendapat kebenaran pengawas peperiksaan juga dikategorikan sebagai kesalahan meniru. Ada juga sesetengah daripada pelajar yang cuba bersubahat dengan rakannya sendiri apabila sengaja meninggalkan kertas jawapan yang telah disiapkan untuk dilihat dan ditiru oleh rakan-rakan yang bersebelahan dengan meja peperiksaan mereka. Taktik lain yang digunakan oleh pelajar untuk meniru ketika peperiksaan berlangsung termasuklah menulis di bahagian anggota badan terutama di bahagian tangan dan kaki.

Kes-kes pelajar meniru di dalam peperiksaan sebenarnya telah lama dikesan dan direkodkan khususnya bagi kes-kes peniruan di institusi pengajian tinggi. Kadar atau jumlah pelajar meniru iaitu peratusan pelajar yang meniru dikenalpasti pada masa kini masih lagi berada pada tahap yang sama seperti tahun 1960an. Pada tahun 1970an hingga tahun 1980an, menyaksikan penurunan kadar pelajar yang meniru. Namun,

mulai tahun 1990an kadar ini terus meningkat (Whitley, 1990). Bidang sains, kejuruteraan dan sains kesihatan adalah antara beberapa bidang kursus yang sering menjadi sasaran utama pelajar untuk meniru di dalam peperiksaan. Jika dilihat secara kasar, alasan utama pelajar meniru di dalam bidang-bidang tersebut disebabkan ianya melibatkan aspek-aspek sains dan teknikal serta beranggapan bahawa bidang-bidang ini susah dan mencabar. Walaupun pelajar-pelajar menyedari bahawa mereka terpaksa berdepan dengan tahap pengajian yang sukar dan susah, mereka tetap memilih untuk berkecimpung di dalam bidang sains, kejuruteraan dan sains kesihatan memandangkan ianya mempunyai peluang masa depan yang cerah dan bergaji lumayan. Justeru itu, alternatif terakhir untuk meneruskan pengajian sehingga memperolehi segulung ijazah adalah dengan cara yang salah iaitu meniru.

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyumbang ke arah pelakuan meniru di kalangan pelajar. Di antaranya pelajar takut gagal di dalam peperiksaan sehingga menghalang niat mereka memperolehi segulung ijazah. Ada juga pelajar berasa tertekan dengan harapan ibu bapa yang terlalu mengharap kejayaan sehingga mengambil jalan pintas untuk lulus dalam peperiksaan. Pelajar yang mempunyai keyakinan diri yang rendah, mempunyai tabiat suka meniru sejak zaman persekolahan juga akan terdorong untuk meniru di dalam peperiksaan (Puglisi, 10 Disember 2000).

Terdapat golongan pelajar tertentu yang lebih kerap meniru berbanding dengan pelajar lain. Kajian mendapati bahawa pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah lebih kerap meniru dibandingkan dengan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Di samping itu, kurikulum yang berorientasikan peperiksaan yang memberi fokus terhadap gred yang tinggi menggalakkan pelajar untuk meniru dan berbohong (Vowell, 2 Febuari 2001). Faktor jantina turut mempengaruhi bilangan pelajar yang terlibat di dalam kes meniru. Kajian mendapati bahawa pelajar lelaki lebih ramai meniru berbanding dengan pelajar wanita (Baird, 1980).



Bagi kes-kes pelajar yang ditangkap ketika meniru di dalam peperiksaan, pelbagai jenis tindakan tatatertib dikenakan. Antaranya seperti dibuang dari mengikuti pengajian di universiti setelah berulang kali melakukan kesalahan meniru sehingga tertangkap (Kennedy, 15 Januari 2001). Sementara itu, tindakan tatatertib yang berbentuk amaran keras, denda dan keputusan peperiksaan ditarik balik sering dikenakan di dalam kes-kes peniruan di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Prosedur universiti yang mensyaratkan agar setiap pelajar wajib lulus di dalam peperiksaan untuk dianugerahkan diploma atau ijazah, menyebabkan ada pelajar yang mengambil jalan pintas dengan meniru sewaktu peperiksaan dijalankan. Kes-kes pelajar meniru di dalam peperiksaan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn turut dilaporkan sehingga ia menimbulkan kebimbangan kepada pihak pentadbiran dan akademik.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan sepanjang tahun 1995 hingga 2000, didapati bahawa pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes meniru ini terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu, Cina dan India serta meliputi kursus pengajian yang pelbagai.

Ini dapat dilihat berdasarkan kepada jadual di bawah.

**Jadual 1.1 : Senarai pelajar KUiTTHO yang dikenakan tindakan tatatertib  
( Meniru ) bagi tahun 1995-2000**

TAHUN	BILANGAN	BANGSA	KURSUS	HUKUMAN
2000	2	Cina	2 BWM	1) Amaran keras 2) Denda sebanyak RM200 3) Mata pelajaran BMM 3104 markah keputusan diberi markah 0 (sifar)
		Melayu	BWJ	1) Amaran keras 2) Denda sebanyak RM200
1999	3	Melayu	2 BVQ	1) Amaran keras 2) Denda sebanyak RM200
		Melayu	2 BVU	1) Amaran keras 2) Denda sebanyak RM200
		Melayu	1 DWA	1) Amaran keras 2) Denda sebanyak RM200 3) Keputusan kertas mata pelajaran Fizik II diberi markah sifar 0 (sifar)
1998	3	India	DWA	1) Amaran keras 2) Denda sebanyak RM200 3) Keputusan kertas mata pelajaran DTM 2053 diberi markah sifar 0 (sifar)
		Melayu	Sarjana Pendidikan	1) Amaran keras 2) Denda sebanyak RM200 3) Keputusan kertas mata pelajaran Penilaian Pendidikan MTT2013 diberi markah sifar 0 (sifar)
		Melayu	Sarjana Pendidikan	1) Amaran keras 2) Denda sebanyak RM200 3) Keputusan kertas mata pelajaran Penilaian Pendidikan MTT2013 diberi markah sifar 0 (sifar)
1995	1	Melayu	BTP	1) Amaran keras 2) Denda sebanyak RM200

Daripada jadual 1.1 di atas, dapat diperhatikan bahawa pelajar yang terlibat dalam kes meniru ini adalah terdiri daripada pelajar yang mengikuti kursus Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan), Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan), Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal (Jentera Am), Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrikal (Peralatan dan Kawalan), Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrikal (Elektronik Perubatan) dan Sarjana Pendidikan. Jika diperhatikan, terdapat peningkatan dari segi jumlah pelajar yang disabitkan dengan melakukan kesalahan meniru dan ini menunjukkan bahawa kes meniru masih lagi berlaku di kalangan pelajar KUiTTHO walaupun dalam kuantiti yang agak kecil. Tindakan tatatertib yang dikenakan ke atas mereka termasuk diberi amaran keras, denda dan keputusan bagi mata pelajaran yang tertangkap semasa meniru diberi markah 0 (sifar). Tabiat yang tidak sihat ini telah menjejaskan kecemerlangan diri pelajar sendiri khususnya dan nama Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn secara tidak langsung turut tercemar.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Permasalahan yang ingin dikaji oleh penyelidik adalah berhubung sejauh manakah kes meniru di dalam peperiksaan terjadi atau diamalkan oleh pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Adakah kes meniru di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn mencapai tahap yang kritikal. Senario ini menimbulkan pelbagai reaksi dan kebimbangan di kalangan pihak pentadbiran mengenai kualiti graduan yang dihasilkan. Ini kerana perbuatan meniru menjejaskan imej institusi dan mutu pencapaian akademik pelajar.

### 1.3 Persoalan Kajian

Sebagai panduan ke arah menjawab pernyataan masalah di atas, beberapa persoalan khusus mengenai kajian telah dibina seperti berikut :

- 1.3.1 Kajian kes adalah untuk mengenalpasti sama ada ciri-ciri pelajar merupakan penyebab kepada kes pelajar meniru di dalam peperiksaan.
- 1.3.2 Kajian kes adalah untuk mengenalpasti sama ada ciri-ciri pengajaran pensyarah merupakan penyebab kepada kes pelajar meniru di dalam peperiksaan.
- 1.3.3 Kajian kes adalah untuk mengenalpasti sama ada ciri-ciri dan pelaksanaan silabus merupakan penyebab kepada kes pelajar meniru di dalam peperiksaan.

### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kes pelajar meniru di dalam peperiksaan. Dengan ini dapat diketahui faktor yang manakah paling kuat yang menjadi punca pelajar meniru. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk:

- 1.4.1 meninjau sama ada berlaku kes-kes meniru di kalangan pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

- 1.4.2 mengetahui berapa banyakah kes-kes meniru yang terjadi di kalangan pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn setakat ini.
- 1.4.3 mengenalpasti faktor-faktor yang boleh mendorong pelajar meniru di dalam peperiksaan.


#### 1.4 Kerangka Kerja Teori

Model digunakan adalah pentakrifan secara operasional faktor-faktor yang mendorong pelajar meniru seperti :

- i. Ciri-ciri yang dimiliki oleh pelajar
- ii. Ciri-ciri pengajaran pensyarah
- iii. Ciri-ciri dan pelaksanaan silabus
- iv. Ciri-ciri pelaksanaan pengawasan peperiksaan

Namun dalam kajian ini, penyelidik tidak mendapatkan data berhubung pelaksanaan pengawasan peperiksaan. Walau bagaimanapun, sebagai ciri-ciri pelengkap kepada faktor-faktor yang menyebabkan pelajar meniru di dalam peperiksaan, garis panduan pengawasan peperiksaan akhir semester adalah seperti di lampiran B. Ini menunjukkan bahawa pengawas peperiksaan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

Model adalah dirumuskan seperti rajah 1.1 di bawah :



Rajah 1.1 : Kerangka Kerja Teori

### 1.5 Kepentingan Kajian

Melalui kajian yang dijalankan, penyelidik dapat mengenalpasti faktor-faktor berlakunya kes pelajar meniru di dalam dewan peperiksaan dan menyediakan maklumat tentang tahap kritikal kes meniru yang berlaku di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Di samping itu, hasil daripada kajian dapat memberikan jalan penyelesaian dan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah pelajar meniru agar dapat melahirkan lebih ramai pelajar yang cemerlang sekaligus meningkatkan tahap kecemerlangan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

## 1.6 Skop Kajian

Skop kajian yang dijalankan adalah meliputi ciri-ciri pelajar dari segi pengurusan masa, sikap dan emosi manakala ciri-ciri pensyarah akan dikaji dari segi pengurusan masa dan sikap. Ciri-ciri pelaksanaan silabus pula dikaji dari segi rekabentuk modul dan pelaksanaan silibus. Ketiga-tiga skop ini akan dikaji bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn meniru di dalam peperiksaan.

## 1.7 Takrifan Operasional

Dalam konteks kajian ini, kes meniru ditakrifkan secara operasional yang dilihat daripada tiga dimensi iaitu ciri pelajar, ciri-ciri pengajaran pensyarah dan ciri-ciri pelaksanaan silabus.

### 1.7.1 Ciri-ciri pelajar

Ciri-ciri pelajar ditakrifkan daripada aspek- aspek berikut:

- i. Pengurusan masa: Melihat sejauh mana pelajar menguruskan masa untuk menyiapkan tugas dan mengulangkaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan. Ini kerana pelajar yang bijak membahagikan

- masa dapat membuat persediaan secukupnya untuk menghadapi peperiksaan.
- ii. Sikap pelajar: Karektor atau sikap pelajar mempunyai pengaruh yang besar terhadap pelakuan meniru di dalam peperiksaan. Pelajar yang malas dan mempunyai tabiat suka meniru sejak zaman persekolahan lebih menyumbang ke arah kes-kes meniru dan boleh mempengaruhi rakan sebaya yang lain.
  - iii. Emosi: Pelajar yang takut gagal di dalam peperiksaan sanggup meniru untuk lulus. Ini disebabkan harapan dari ibu bapa dan juga cabaran rakan sebaya yang mengamalkan tabiat meniru.

### 1.7.3 Ciri-ciri pengajaran pensyarah

Ciri-ciri pengajaran pensyarah ditakrifkan daripada aspek-aspek berikut :

- i. Kaedah pengajaran: Kaedah pengajaran daripada pensyarah yang berkesan dan menimbulkan minat belajar di kalangan pelajar merupakan salah satu faktor pemangkin yang dapat mengelakkan berlakunya kes peniruan di kalangan pelajar.
- ii. Pengurusan masa: Bagaimana pensyarah menghabiskan sukatan dalam masa yang diperuntukkan dan memperuntukkan masa rundingan kepada pelajar.



## RUJUKAN

- Abdul Ghani Awang. 1996. **Kemahiran Belajar di Institusi Pengajian Tinggi**. Ampang : DBP.
- Alias Baba. 1999 . **Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial**. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Brew A. 1981. **Underlying Themes In Study Methods Teaching**. Paper Present at the Inter Conference on Higher Education. Lancaster.
- Buku Panduan Pelajar**. 1997. Batu Pahat : Pejabat hal Ehwal Pelajar, ITTHO.
- Carnavale, Dan. 1999. "How to Proctor from a Distance." **The Chronicle Of Higher Education**, 46, no. 12 (November) ; A47-A48.
- Gay, L.R. 1992. **Educational Research Competencies for Analysis and Application** 4th. ed. New York: Macmillan Publishing Company.
- Hairy Abdullah dan Abdul Samad Ghani (ed.). 1991. **University Education in the Nineties**. Bangi : Penerbit UKM.
- Halstead, Mark. J and Taylor, Monica.J. 1996. **Values in Education and Education in Values**. UK: The Falmer Press.
- Hills, P.J. and Potter, F.W. Study J.C. 1981. **Educational and Psychological Measurement and Evaluation**. 6th Ed. Eaglewood Cliff : Prentice Hall Inc.
- Jabatan Pendidikan dan Kemanusiaan, Institut Teknologi Tun Hussein Onn. 2000. **Laporan Kajian Pencapaian Pelajar Tahun 1 Sesi 1998/1999**. (Januari, 17)
- Kaedah Pelaksanaan Peraturan Peperiksaan**. 1998. Batu Pahat : Institut Teknologi Tun Hussein Onn.

- Kennedy, Lindsay. 2001. **Academic Dishonesty Cases are Increasing at SUNY-Binghamton**. Retrieved January 15, 2001, from the World Wide Web: <http://www.studentadvantage.com/lycos/article/1.html>
- Kleiner, Carolyn and Lord, Mary. 1999. "The Cheating Game 'Everyone's Doing It, From Grade School To Graduate School.'" **U.S. New & World Report**, no 20 (November) : 55-66.
- Lupton, Robert. A, Chapman , Kenneth J. and John, Weiss E. 2000. "A Cross -National Exploration of Business Students Attitudes, Perceptions and Tendencies Toward Academic Dishonesty." **Journal of Education for Business Washington** 75, no.4 (Mar/Apr): 231-235
- Martin, Donald. 1991. **5 How To Manage Time and Set Priorities**. Retrived March 10, 2001, from the World Wide Web : <http://www.marin.cc.ca.us/~don/Study/5time.html>.
- Mohd Najib Ghafar. 1993. **Penyelidikan Pendidikan**. Skudai : Penerbit UTM.
- Mohd Nawi Ab Rahman. 2000. **Teras Penyelidikan**. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Prospektus 1998-2000 Institut Teknologi Tun Hussein Onn**. 2000. Batu Pahat: Institut Teknologi Tun Hussein Onn.
- Puglisi, Kristen. 2000. **Teachers from Across Country Debate Cheating in High School, College**. Retrieved December 10, 2000, from the World Wide Web: <http://www.studentadvantage.com/lycos/article/1.html>
- Sekaran, Uma. 1992. **Research Method for Business : A Skill Building Approach**. Canada : John Wiley & Sons, Inc.
- Scheerens, Jaap. 1992. **Effective Schooling Research:Theory and Practice**. UK : UK Cassell Co.

Schuller, Tom (ed.). 1991. **The Future of Higher Education**. Buckingham : SRHE & Open University Press.

Sprick, Randal.S. 1985. **Disipline in the Secondary Classroom**. New York : The Center for Applied Research in Education Inc.

“**Teachers Fail Ethical Test**”. (2000, June). USA Today. Retrieved December 15, 2000, from the World Wide Web:<http://www.ProQuest.com.html>

Vowell, Cory. 2001. **Half of College Students Cheated Once Study Finds**. Retrieved February 2, 2001, from the World Wide Web:  
<http://www.studentadvantage.com/lycos/article/1.html>



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH